



## **Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif**

# **STRUKTUR NARATIF DALAM GENRE FILEM GENGSTER HONG KONG**

**Ting Tung Jing**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2011**

## **STRUKTUR NARATIF DALAM GENRE FILEM GENGSTER HONG KONG**

**TING TUNG JING**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2011

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN**

JUDUL: STRUKTUR NARATIF DALAM GENRE FILEM GENGSTER HONG KONG

**SESI PENGAJIAN : 2010/2011**

Saya TING TUNG JING

mengaku membenarkan tesis/ Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

---

(TING TUNG JING)  
Penulis

---

(MISS TEO MIAW LEE)  
Penyelia

Tarikh: 6-6-2011

Tarikh:

Alamat Tetap: 4A, TINGKAT 1,  
LORONG 3, JALAN KAPOR,  
96000 SIBU, SARAWAK.

Catatan: \* Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\* Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Struktur Naratif dalam Genre Filem Gengster Hong Kong** telah disediakan oleh **Ting Tung Jing** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Sinematografi**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Miss Teo Miaw Lee)

Tarikh:

---

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih dan bersyukur kepada Tuhan kerana saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini dan Projek Tahun Akhir saya dan berjaya menghadapi segala dugaan dan rintangan semasa penyelidikan ini dijalankan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penelia projek Miss Teo Miaw Lee atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Seni Persembahan dan Produksi serta Falkuti Seni Gunaan dan Kreatif member peluang untuk saya membuat penyelidikan dan projek akhir saya.

Selain itu, saya ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada dekan fakulti, ketua jabatan, pensyarah-pensyarah di program sinematografi yang lain di atas dorongan dan panduan yang diberikan sepanjang masa ini. Sementara itu, juruteknik yang sentiasa membantu dan memberi tunjuk ajar juga akan saya hargai.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tingginya terima kasih kepada ibubapa saya di atas sokongan moral mereka. Mereka telah banyak membantu saya dari segi kewangan dan merupakan pendorong utama dalam penghasilan projek ini dan juga seluruh ahli keluarga saya yang amat saya sayangi.

Akhirnya, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan kawan-kawan saya yang memberi bantuan dalam menjayakan projek filem pendek saya. Segala budi baik rakan saya hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	iii
<b>Jadual Kandungan</b>	iv-v
<b>Abstrak</b>	vi
<i>Abstract</i>	vii

### **1. BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Limitasi Kajian	8

### **2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	9
2.1	Apakah Filem Gengster?	10
2.2	Sejarah Filem Gengster	10
2.3	Perkembangan Filem Gengster Hong Kong	11
2.4	Apakah Struktur Naratif?	13
2.5	Apakah Struktur Naratif Dalam Filem Gengster Hong Kong?	14
2.5.1	John Woo	15
2.5.2	Johnnie To	17
2.5.3	Wong Kar Wai	18
2.6	Kecenderungan Filem Gengster Di Hong Kong	20

### **3. BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0	Pengenalan	23
3.1	Kaedah Kualitatif	24
3.2	Analisis Kandungan	24
3.3	Sampel Bahan Kajian	26
3.4	<i>Coding</i>	28

3.4.1 <i>Action</i>	28
3.4.2 Watak	29
3.4.3 <i>Setting</i>	30
3.4.4 Perspektif	31
3.5 Analisa Filem	31
3.5.1 <i>The Mission</i> (1999)	31
3.5.1.1 Sinopsis	31
3.5.1.2 Pemerhatian Terhadap Struktur Naratif Dalam Filem	33
3.5.2 <i>Blood Brothers</i> (2004)	37
3.5.2.1 Sinopsis	37
3.5.2.2 Pemerhatian Terhadap Struktur Naratif Dalam Filem	38
3.5.3 <i>Beast Stalker</i> (2008)	42
3.5.3.1 Sinopsis	42
3.5.3.2 Pemerhatian Terhadap Struktur Naratif Dalam Filem	43

#### **4. BAB 4 PERBINCANGAN PROJEK TAHUN AKHIR**

4.0 Pengenalan	47
4.1 Sinopsis	48
4.2 Watak dan Perwatakan	48
4.3 Tema Filem	49
4.4 Pengaklikasian Struktur Naratif Dalam Filem Pendek	50

#### **5. BAB 5 KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	54
5.1 Rumusan Kajian	54
5.2 Dapatkan Kajian	56
5.3 Cadangan Kajian	58
5.4 Kesimpulan	60

BIBLIOGRAFI	61
-------------	----

## **ABSTRAK**

### **STRUKTUR NARATIF DALAM GENRE FILEM GENGSTER HONG KONG**

Ting Tung Jing

Filem pengster di Hong Kong telah muncul pelbagai tafsiran dan maksud yang diberikan oleh pengteori-pengteori filem yang berlainan masa. Hal ini kerana filem pengster Hong Kong telah mengalami revolusi dan banyak dipengaruhi oleh perubahan sosio budaya dan sosio politik yang berlaku di Hong Kong terutamanya terhadap struktur naratif filem dan kandungan filem. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk menghasilkan sesuatu tafsiran yang baru terhadap filem pengster Hong Kong yang terkini berdasarkan hasil dapatan kajian ini. Dengan ini, penyelidikan ini akan menganalisis terhadap ciri-ciri dan elemen-elemen yang terdapat dalam filem pengster Hong Kong yang menjurus kepada perkembangan struktur naratif filem dan kandungan filem bagi era yang berlainan. Penyelidikan ini akan menggunakan keadah kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan untuk menganalisis data-data dari buku dan jurnal. Sebanyak tiga buah filem pengster Hong Kong dari pengarah yang berlainan akan menjadi sampel filem untuk dikaji dan dianalisis. Hasil dapatan kajian ini akan diaplikasikan ke dalam sebuah filem pendek bertajuk "*No Turning Back*". Filem pendek "*No Turning Back*" merupakan sebuah filem pengster moden yang mengaplikasikan dapatan penyelidikan ini yang menggabungkan unsur pengsterism yang klasik dengan kisah pengster yang baru iaitu lebih menekankan kisah kehidupan yang realiti bagi seseorang pengster dan kisah keluarganya dalam filem.

## ***ABSTRACT***

### ***NARRATIVE STRUCTURE IN HONG KONG GANGSTER FILM***

*Ting Tung Jing*

*Hong Kong gangster film has emerged a variety of interpretations and meanings which given by a different film theorists. This is because the Hong Kong gangster film has undergone a revolution and is influenced by changes of socio-cultural and socio-political in Hong Kong, especially in aspect of narrative structure of film and film contents itself. The research aims to produce a new interpretation of Hong Kong gangster film which based on the latest films. The research will analyze the characteristics and the elements in Hong Kong gangster film that focus to the development of film narrative structure and film contents in a different era. The research will use qualitative methods with content analysis to analyze data from books and journals. A total of three Hong Kong gangster film from different directors will be analyze which as the film sample to be studied. The findings will be applied in a short film titled “No Turning Back”. The short film “No Turning Back” is a modern gangster film with applying the research findings which combines the classical element of gangster with new element and new story that emphasizes the reality life of a gangster and story about their family in the film.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Filem merupakan antara medium seni yang paling berkesan untuk berkarya. Filem didefinisikan sebagai suatu gambar yang bergerak (*motion picture*) dan dikenali sebagai suatu medium yang untuk menyampaikan sesuatu cerita atau mesej kepada para penonton. Filem mengibaratkan seseorang pencerita dan menggantikannya dengan teknologi, iaitu merekodkan imej dengan kamera atau mencipta imej dengan teknik animasi atau kesan istimewa dalam menyampaikan sesebuah cerita kepada para penonton. (Lindroos, 1999: 4)

Filem gangster merupakan salah satu genre filem yang terkenal dan masih kekal selepas berevolusi menerusi pelbagai era dan negara. Menurut pembikin filem Amerika Quentin Tarantino, filem gangster merupakan suatu genre filem yang dapat

dihadarkan oleh semua pembikin filem yang berbeza dari segi latar belakang mereka, sosial budaya dan isu-isu politik di tempat mereka. Pembikin-pembikin filem ini menceritakan kisah yang serupa dalam filem gangster mereka. Contoh, filem Yakuza di Jepun, filem Triad di Hong Kong, Mafia di Itali dan Jean-Pierre Melville di Perancis. (Yaqinto, 1998: 230)

Unsur-unsur gangsterisme ini mempunyai kekuatan yang mampu menerusi sempadan antarabangsa dan pelbagai sosio budaya oleh pembikin filem yang berlainan. Dengan ini, isu-isu gangster yang mula diterapkan di dalam filem noir pada zaman kegemilangan di Amerika dan Eropah sekitar tahun 1930an telah menghasilkan suatu pengaruhan yang kuat terhadap sinema Hong Kong terutamanya filem gangster yang bermula pada tahun 1980an.

Filem gangster Hong Kong berevolusi sepanjang masa dengan perubahan isu sosio budaya dan identiti sinema di Hong Kong. Hal ini jelas sekali yang dapat kami lihatkan pada era pasca 1997, iaitu semasa Hong Kong dikembalikan kepada China. Struktur naratif dalam filem pula merupakan salah satu aspek yang penting dalam menunjukkan identiti sesebuah filem. Oleh itu, ia juga telah mengalami perubahan yang besar dari awal era sehingga sekarang supaya dapat menyampaikan isu sosial yang realiti untuk memenuhi cita rasa para penonton.

Namun, pemahaman terhadap filem gangster Hong Kong juga berubah sepanjang masa dengan tafsiran pembikin-pembikin atau pengteori-pengteori filem terhadap filem yang dihasilkan pada era yang berlainan. Naratif bagi skrip filem juga

berlainan dan banyak dipengaruhi oleh isu-isu semasa terutamanya dihasilkan oleh penulis skrip yang berfikiran kritis. Dengan ini, penyelidikan ini akan menganalisis peranan struktur naratif dalam filem gengster Hong Kong untuk megetahui ciri-ciri dan elemen-elemen yang terdapat dalam filem supaya dapat melahirkan sesuatu pemahaman yang baru terhadap filem yang dihasilkan pada masa terkini.

### **1.1 Latar Belakang**

Filem gengster Hong Kong bermula pada tahun 1980an dengan faktor persekitaran bandar yang penuh sesak dan jalan-jalan yang penuh dengan lampu neon. Hal ini telah menjadi salah satu punca yang sesuai dijadikan sebagai tempat jenayah untuk mengisahkan cerita tentang geng-geng Triad di Hong Kong. Keadaan kehidupan yang susah, peningkatan pendatang asing dari China dan kebangkitan geng-geng jalanan pada masa itu membolehkan pembikin filem menghasilkan filem gengster untuk menggambarkan kejujuran dan persahabatan antara orang kelas bawahan.

Selain itu, Revolusi Kebudayaan di China antara tahun 1966 hingga 1976 meningkatkan jumlah pendatang dari China untuk menetap di Hong Kong akibat kekacauan politik dan kerajaan yang menindas. Pada pertengahan 1980-an, Hong Kong penuh sesak dengan penduduk menyebabkan ruangan bandarnya penuh dengan gejala kejahatan dan keganasan geng. Dengan ini, latar belakang yang sempurna ini telah menjadi faktor bagi pembikin filem untuk menghasilkan filem-filem gengster. Filem-filem ini kebanyakannya mengisahkan tentang kehidupan yang nyata bagi geng-

geng Triad yang menguasai industri bawah tanah di Hong Kong terutamanya industri hiburan pada masa itu.

Filem-filem gangster yang terkenal di Hong Kong pada pertengahan 1980an adalah seperti filem Johnny Mak *Long Arm of the Law* (1984), Stephen Shin *Brotherhood* (1986), Ringo Lam *City on Fire* (1987) dan John Woo *A Better Tomorrow* (1987). Filem-filem tersebut mengadaptasi format filem gangster dari Amerika dan mengubahsuai jalan cerita dengan menumpukan pada kisah-kisah yang menekankan ikatan persaudaraan yang berkaitan rapat dengan tradisi Cina. Agenda yang ditekankan dalam filem adalah berhubung dengan kod Cina yi dan prinsipalnya iaitu kehormatan, kesetiaan dan kesopanan. Tema ini telah dominan di dalam sebahagian besar filem gangster Hong Kong yang berikutnya.

Filem gangster Hong Kong sering menggambarkan tokoh-tokoh pahlawan yang penuh dengan harapan untuk penebusan seseorang atau sesuatu. Hal ini jelas sekali digambarkan dalam karya-karya John Woo (吴宇森). Filem gangster John Woo, *A Better Tomorrow* (英雄本色), *The Killer* (1989) dan *Hard boiled* (1992) telah membentukkan sesuatu pengaruan atau kesan yang kuat yang tidak sekadar di sinema Hong Kong tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 1990an, sesetengah filem gangster Hong Kong juga dipengaruhi oleh filem-filem gangster epik dari Amerika, seperti *The Godfather* trilogi (1972-1990) dan Sergio Leone's *Once Upon Time in America* (1984). Dua buah filem dari pengarah Wong Kar Wai (王家卫) iaitu *Fallen Angels* (1995) dan *As Tears Go*

*By* (1988) menekankan tema persaudaraan antara penggila dan kehormatan. Wong Kar Wai menggabungkan tema Cina yang klasik ke dalam cerita penggila untuk mengungkapkan perjuangan antara modernitas dan tradisi di Hong Kong dalam filemnya.

Kebanyakan bintang-bintang dan pengarah filem penggila telah meninggalkan genre filem penggila di Hong Kong untuk membina kerjaya mereka di Hollywood pada tahun 1990an. Contohnya, pengarah terkenal John Woo, Ringo Lam, Johnny Mak dan sebagainya. Dengan ini, genre ini telah diciptakan semula untuk audiensi-audien yang lebih muda dalam siri filem "*Young and Dangerous*" (古惑仔) yang terdiri daripada enam filem yang dihasilkan antara tahun 1996 hingga 1999. Filem-filem ini dikenali sebagai filem "Triad Boyz" dan gaya atau stail bagi penggila dalam filem telah berubah sepanjang siri contohnya berubah dari stail rambut berminyak kepada stail rambut berwarna-warni bagi seseorang penggila dalam filem tersebut.

Pada tahun 1999, pengarah Johnnie To (杜琪峰) menghasilkan filem penggila dengan struktur formula yang baru dalam menceritakan kisah penggila dalam filem supaya dapat menyesuaikan dengan suasana milenium yang baru di Hong Kong. Filem *The Mission* (枪火) oleh Johnnie To merupakan sebuah filem yang bertujuan untuk membetulkan formula penggila dan bereksperimen dengan teknik-teknik dan konvensyen filem aksi yang baru. Filem ini menunjukkan perubahan sikap dalam pembikinan filem penggila di Hong Kong pada era pasca 1997 dengan mengembangkan pandangan yang lebih optimis.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Filem gangster Hong Kong telah berevolusi menerusi pelbagai era dan masa yang berlainan yang bermula pada tahun 1980an sehingga masa sekarang. Filem gangster ini banyak dipengaruhi oleh identiti sosio budaya tempatan dan isu sosio politiknya terhadap jalan cerita. Namun, filem-filem ini telah mengalami perkembangan dan perubahan dari segi struktur naratif dalam filem sepanjang masa itu. Dengan ini, kemunculan pelbagai maksud bagi filem gangster Hong Kong yang ditafsirkan oleh sesetengah pengteori yang mengikut perkembangan era. Hal ini kerana pengteori-pengteori seperti Stephen Teo dan lain-lain telah memberikan maksud yang berlainan tentang tafsiran tersebut berdasarkan kefahaman sosio budaya yang berlaku pada zaman yang berlainan.

## **1.3 Objektif**

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri dan elemen-elemen yang terdapat dalam filem gangster moden di Hong Kong. Selain itu, penyelidikan ini juga akan menganalisis struktur naratif bagi filem-filem gangster Hong Kong yang terkini. Penyelidikan yang dilakukan bertujuan untuk mengetahui pengaruh isu sosio budaya dan sosio politik tempatan terhadap perubahan kandungan filem bagi filem gangster di Hong Kong. Dengan ini, hasil dapatan penyelidikan ini akan diaplikasikan dalam sebuah filem pendek.

## **1.4 Persoalan Kajian**

Pelbagai jenis struktur naratif bagi filem gentster di Hong Kong perlu dikemukakan untuk mengetahui perubahan di antara mereka. Proses perubahan identiti sosio budaya dan politik serta perkembangan dan revolusi yang berlaku pada filem gentster Hong Kong perlu diketahuikan. Selain itu, ciri-ciri dan elemen-elemen yang penting dalam membentukkan suatu tafsiran bagi filem gentster Hong Kong juga perlu dikenalpastikan.

## **1.5 Skop Kajian**

Penyelidikan yang akan dijalankan adalah merangkumi ciri-ciri yang terdapat dalam filem gentster Hong Kong yang menjurus kepada perkembangan struktur naratif dan kandungan filem bagi filem tersebut. Selain itu, pengaruhan identiti sosio budaya Hong Kong terutamanya berkaitan dengan mitos persaudaraan gentster dalam filem juga akan dibincangkan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini merupakan suatu pendedahan kepada pengkarya filem untuk memahami dan membelajari tentang struktur naratif dan kandungan filem bagi filem gentster Hong Kong. Kajian ini juga akan memperkenalkan kepada masyarakat umum tentang peranan gentster dalam filem dan bagaimana genre ini berevolusi menerusi pelbagai era di sinema Hong Kong. Di samping itu, kajian ini akan

menekankan ciri dan elemen yang penting dan pengaruh sosio budaya dalam filem gengster moden di Hong Kong.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Penyelidikan ini adalah terhad dengan hanya membuat kajian dan analisis terhadap filem-filem gengster Hong Kong yang diarahkan oleh pengarah-pengarah yang dikatogerikan sebagai pengarah yang betul-betul bekerja dalam genre seperti John Woo (吴宇森), Johnnie To (杜琪峰), Wong Kar Wai (王家卫) dan sebagainya. Filem-filem yang akan dipilih sebagai filem kajian juga terhad kepada filem gengster yang dibikinkan pada masa terkini sahaja. Kajian ini juga hanya akan membincangkan dan menganalisiskan aspek struktur naratif dan kandungan filem bagi filem gengster tersebut dalam mengetahui ciri-ciri dan elemen-elemen yang terdapat dalam filem supaya dapat menghasilkan suatu tafsiran yang terkini bagi filem gengster Hong Kong.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini merupakan analisis sastera yang dikumpulkan dari pelbagai sumber seperti jurnal, buku, majalah, persidangan dan laman web. Hal ini membantu penyelidik dalam memahami unsur gangsterisme dalam filem dan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan struktur naratif dalam filem gangster.

Bab ini akan membincangkan penyelidikan terdahulu dan maklumat yang berkaitan dengan genre filem gangster Hong Kong. Skop perbincangan juga dihadkan kepada topik yang berkaitan dengan tajuk kajian sahaja.

## **2.1 Apakah Filem Gengster?**

Filem gengster merupakan filem-filem yang mengandungi unsur-unsur jenayah seperti membunuh, mencuri, merompak bank, kongsi gelap, melakukan perkara yang melanggar undang-undang dan sebagainya. Filem gengster juga dikenali sebagai filem jenayah atau *criminal film*. Jalan cerita dalam filem gengster selalunya menyoroti tentang kehidupan seseorang tokoh kejahanatan atau mangsa jenayah dalam kegembilangan atau kemunduran melakukan sesuatu jenayah seperti geng perompak bank, pembunuhan atau pelanggar hukum dalam perebutan kuasa peribadi atau konflik dengan tokoh-tokoh undang-undang dan ketenteraman awam, atau saingan geng. (Dirks, 2006)

## **2.2 Sejarah Filem Gengster**

Filem gengster bermula pada awal tahun 1930 dengan keluaran filem-filem seperti *Little Caesar* oleh Mervyn LeRoy (1930), *Public Enemy* oleh William Wellman (1931) dan *Scarface* oleh Howard Hawks (1932). Filem tersebut adalah berbentuk pemberontakan dalam jenayah yang terdapat struktur organisasi penjenayah yang mencabar undang-undang dalam dunia perniagaan. Filem-filem ini juga memberikan kesan yang kuat kepada khalayak yang berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berasal daripada pelbagai jenayah yang berlaku di bandar-bandar gelap di Amerika. (Horsley, 2002)

Namun, terdapat pengteori mengatakan bahawa filem gengster adalah bermula pada era filem bisu dengan keluaran filem *DW Griffith, The Musketeers of Pig Alley*

(1912) yang mungkin merupakan filem gangster pertama yang sepenuhnya mengeksplorasi bandar berdasarkan jenayah bagi plotnya. Kegemilangan filem gangster pula bermula dengan dua buah filem bisu, iaitu *The Racket* oleh Lewis Milestone (1927) dan *Underworld* oleh Josef von Sternberg (1928). Filem gangster merupakan genre filem yang tertua di Amerika dan telah mengalami suatu perubahan agak besar sepanjang era dan pelbagai bangsa.

Filem gangster sering dikategorikan sebagai filem noir pasca perang pada tahun 1950an kerana filem ini mempunyai sifat kesamaan dari segi bentuk sinematik filem noir. Kegemilangan filem gangster Amerika telah menghasilkan suatu pengaruh yang kuat terhadap faktor kebangkitan genre filem gangster di Hong Kong.

### **2.3 Perkembangan Filem Gangster Hong Kong**

Genre filem gangster Hong Kong terbentuk dengan keluaran siri filem *A Better Tomorrow* (英雄本色) yang diarahkan oleh John Woo (吴宇森) pada 1980an. Siri filem ini telah membentukkan sesuatu kesan yang kuat terhadap sinema Hong Kong dan memulakan zaman kegemilangan filem gangster di Hong Kong. John Woo menekankan hubungan persaudaraan antara ahli gangster dan watak utamanya sebagai seorang hero dan penggunaan dua pistol semasa berlawan dengan musuhnya telah menjadi sesuatu simbolik dalam filem beliau. John Woo merupakan pengarah

filem yang telah menepatkan gaya filem gangster Hong Kong pada masa itu. Chow Yun Fat (周润发) yang sebagai pelakon utama filem tersebut dan gaya Chow dalam filem seperti memegang dua pistol, bercermin mata hitam, jaket hitam dan senyumannya telah meninggalkan kesan yang kuat dalam hati para penonton. John Woo boleh dikatakan sebagai bapa filem gangster Hong Kong kerana beliau berjaya mengubah unsur keganasan dalam filem gangster kepada unsur seni yang cantik. Contohnya, peluru yang berselerak, plot yang menarik dan teknik penyuntingan yang bagus telah mencerminkan filem tersebut adalah menarik sampai sekarang. (Vesia, 2002)

Pada tahun 1990an, satu siri filem bagi genre ini dikeluarkan, iaitu filem "*Young and Dangerous*" (古惑仔) yang diarahkan oleh pengarah Andrew Lau. Filem-filem ini dikenali sebagai filem "*Triad Boyz*" dan gaya atau stil bagi gangster dalam filem ini adalah lebih muda berbanding filem gangster 1980an. Andrew Lau menghasilkan siri filem ini adalah untuk memenuhi golongan generasi yang muda dan menarik perhatian mereka. Dengan tajuk siri filem, iaitu "*Young and Dangerous*" (古惑仔) bermaksud "Muda dan Berbahaya" telah memberi maksud secara langsung dan kuat terhadap jalan ceritanya. Siri filem ini adalah menceritakan tentang kisah-kisah samseng jalanan yang memiliki muda, ekspresi yang mengancam dan menekankan samseng-samseng jalanan sebagai ketua atau pemimpin kongsi gelap. Unsur-unsur bagi samseng jalanan adalah seperti rambut berwarna, banyak tatu pada badan, berbahasa kasar dan senjata pertempuran pun bertukar dari pistol menjadi

pisau tembakai. Babak tembak-menembak dalam filem gangster sebelumnya telah digantikan dengan babak tumbuk-menumbuk oleh ratusan orang antara geng di jalanan.

Pada tahun 2002, satu lagi siri filem yang telah menghasilkan kesan yang dalam terhadap sinema Hong Kong, iaitu siri filem *Infernal Affair* (无间道) yang diarahkan oleh Andrew Lau dan Alan Mak telah membawa genre filem ini ke suatu tahap yang kemuncak terutamanya membangkitkan genre ini yang semakin merosot di Hong Kong pada masa itu. Filem *Infernal Affairs* (无间道) memperbaharukan filem gangster di Hong Kong dengan memasukkan elemen kemanusiaan yang lebih kepada makna spiritual pemikiran seseorang gangster dalam filem. Pengarah menekankan konflik antara polis dengan penjahat lalu menguatkan unsur kesatuan yang berlawanan dalam kehidupan mereka. Gangster dalam filem ini adalah lebih bersih dan sebagai watak kebijaksanaan yang mempunyai erti penting bagi kewatakannya. *Infernal Affairs* (无间道) adalah siri filem yang menggabungkan unsur seni kebijaksanaan dengan komersial hiburan yang sempurna dan merupakan sebuah karya epik yang tidak pernah dihasilkan pada filem-filem gangster sebelumnya di Hong Kong.

#### **2.4 Apakah Struktur Naratif?**

Naratif merupakan penceritaan atau rantaian kejadian dalam perhubungan sebab dan akibat yang berlaku dalam sesuatu ruang dan masa. Naratif selalunya bermula dengan sesuatu situasi dan berkembang situasi itu dengan pertukaran siri

yang berlaku dalam bentuk sebab dan kesan pada penghujungnya. (Bordwell and Thompson, 2001: 60)

Struktur naratif adalah merujuk kepada dua perkara, iaitu jalan cerita dan bentuk yang digunakan untuk bercerita. Struktur naratif terbahagi kepada dua bahagian dalam filem, iaitu cerita dan plot. Cerita merujuk kepada tindakan dramatik yang dinyatakan dalam urutan kronologi. Plot merujuk kepada bagaimana sesuatu cerita diceritakan dan bentuk atau struktur penceritaan.

Perkara yang berlaku dalam sesuatu plot boleh dibahagikan secara kronologi atau bukan kronologi dan boleh diklasifikasikan ke dalam *hub* atau *satelit*. *Hub* adalah peristiwa utama dalam plot yang menukar arah jalan cerita bagi sesuatu watak sementara *satelit* adalah peristiwa kecil dalam plot yang tidak penting tetapi berfungsi untuk menambah kompleks bagi plot dan watak.

## **2.5 Apakah Struktur Naratif Dalam Filem Gengster Hong Kong?**

Gengster Triad merupakan kod yang paling popular yang ditekankan dalam filem gengster Hong Kong. Filem gengster Hong Kong memasukkan unsur-unsur *Taoism* (道教) yang banyak mempergaruhi budaya Hong Kong untuk membentuk protagonis gengster dalam filem. Hal ini telah mengubah corak genre gengster di antarabangsa dengan menyebarkan prinsip-prinsip kuno bagi keseimbangan dan kehormatan seseorang gengster kepada semua orang. Protagonis dalam filem gengster

Hong Kong selalunya adalah berubahsuai daripada pahlawan dalam filem Kung Fu yang berunsur Tao, iaitu sikap mempertahankan keadilan menjadi *street fighter* yang moden.

Genre gangster mempunyai beberapa tafsiran oleh sesetengah ahli sejarah yang mengatakan Triad adalah serupa dengan gang-gang idealistik di China. Sesetengah ahli sejarah pula mengatakan protagonis dalam filem gangster adalah merujuk kepada *Wuxia* (武侠) yang sebagai juara seni pertahanan dalam filem Kung Fu dengan hanya sebagai seseorang yang mempertahankan orang biasa daripada ancaman gangster Triad. Contohnya, filem *Once Upon a Time in China II* yang diarahkan oleh Tsui Hark pada tahun 1992. Sejarah bagi implikasi kod Triad dalam filem gangster Hong Kong juga masih belum diperiksa. Ini disebabkan hanya terdapat beberapa komen yang kritis terhadap filem gangster dan kritikan yang serius adalah sangat sedikit dalam genre ini. (Nochimson, 2007. P71-76)

### **2.5.1 John Woo (吳宇森)**

Filem gangster Hong Kong selalunya ditafsirkan oleh kalangan masyarakat dunia yang merupakan filem penuh berkerasan, bergerak cepat, penuh dengan aksi dan suatu sikap kepada aksi dalam filem. Filem-filem John Woo merupakan beberapa contoh yang terbaik dalam genre ini yang menekankan sikap berdasarkan konsep yi, atau kod persaudaraan, kehormatan dan kesetiaan yang berasal dari tradisi kesopanan orang Cina. John Woo juga mempunyai gayanya sendiri seperti babak tembak-menembak dalam filem yang jelas sekali dipengaruhi oleh filem *Wuxia* (武侠) yang